

# Gesa Motac pinda akta

**Koperasi juga mahu ceburi sektor pelancongan**

ROSILAWATI ROSEDI

JERANTUT

**A**ngkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) menggesa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (Motac) meminda Akta 482 Akta Industri 1992.

Cadangan itu diusul bagi membolehkan Angkasa memperoleh lesen menjalankan pelbagai perniagaan berimpak tinggi.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pindaan berkenaan juga membolehkan koperasi menjalankan perniagaan tan-

pa anak syarikat.

Menurutnya, pindaan itu membolehkan koperasi dapat menjalin terus kerjasama strategik agensi pelancongan atau sektor perniagaan lain berdaftar dengan Motac dan lain-lain kementerian.

"Dalam konteks sekarang koperasi perlu proaktif mencuburi bidang perniagaan baru berimpak tinggi bagi meningkatkan perolehan daripada pelbagai produk dan perkhidmatan,"katanya.

Beliau berkata demikian kepada media sempena Majlis Persefahaman Memorandum (MoU) Antara Koperasi Pesara Kerajaan Malaysia Daerah Jerantut dengan Siru Fil Ardh Travel Sdn Berhad di Dewan Tun Teja, Taman Lembaga Kemajuan Negeri Pahang (LKNP), kelmarin.

Hadir sama, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Pahang, Ibrahim Kasah, Pengerusi Koperasi Pesara-Pesara Kerajaan Ma-



Abdul Fattah (tengah) dan Ibrahim (kiri, belakang) menjadi saksi MoU yang ditandatangani bersama Nordin dan Mohd Taufik.

laysia Daerah Jerantut Berhad, Nordin Awang Ngah dan Ketua Eksekutif Siru Fil Ardh Mohd Taufik Abdullah.

Beliau berkata, perjanjian persefahaman itu diharapkan menjadi medium kedua-dua pihak memperluas perkongsian kepakaran dan perkhidmatan.

Menurutnya, kebenaran koperasi melebarkan pernia-

gaan berimpak tinggi seperti pelancongan, umrah dan lain-lain ini membantu sasaran perolehan koperasi sebanyak RM55 bilion tahun 2020.

"Melalui aktiviti perniagaan berimpak tinggi, kita yakin perolehan koperasi tahun ini mampu dicapai RM42 bilion dan dijangka 13 bilion lagi dapat diperolehi tahun 2020,"katanya.

Sebelum ini, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof mahu meningkatkan sasaran perolehan gerakan koperasi daripada 50 bilion kepada RM55 bilion tahun 2020.

Sementara itu, Abdul Fattah turut mencadangkan koperasi menceburi bidang pelancongan Islamik yang

mempunyai perspektif lebih luas seperti rehlah, ziarah, siyahah, umrah dan haji.

"Pelancongan Islamik tidak hanya terhad kepada pelancongan motivasi agama semata-mata tetapi merangkumi semua pelancongan yang tidak bercanggah dengan Islam,"katanya.

Menurutnya, pelancongan Islamik juga boleh bermaksud mengembara ke destinasi atas tujuan keagamaan merangkumi elemen kegiatan, destinasi, produk dan nilai berlandaskan motivasi ajaran Islam yang melibatkan pengendali dan pelancong.

Tambah beliau, koperasi juga harus mengambil peluang penganjuran Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2020 dengan menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti kerana sasaran kehadiran pelancongan seramai 30 juta dengan perolehan sebanyak RM100 bilion.